

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1992/93

April 1993

RMT 555 - Pengurusan Projek IV

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. "Kontraktor mesti mematuhi semua arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Arkitek mengenai perkara-perkara yang Arkitek dibenarkan mengeluarkan arahan-arahan tersebut di bawah syarat-syarat ini".

Bincangkan implikasi kenyataan ini dalam konteks Borang Kontrak Binaan PAM.

(100 markah)

2. Bincangkan terma "penyiapan praktikal" (Practical completion) seperti mana digunakan dalam Borang Kontrak Binaan PAM. Apakah implikasi-implikasi pengeluaran Sijil Penyiapan Praktikal (Certificate of Practical Completion).

Setakat manakah pengeluaran Sijil Penyiapan Praktikal ini akan dipengaruhi oleh:

- (a) Penyiapan secara seksyen (sectional completion) dan pengambilalihan seksyen tertentu oleh Majikan;
- (b) Pembaikan kecacatan-kecacatan.

Berikan contoh-contoh dan kes-kes mahkamah untuk menyokong jawapan anda.

(100 markah)

4. Acer Construction adalah Kontraktor Utama dalam sesuatu kontrak pembinaan hotel untuk Paradise Resort Sdn. Bhd, Syarikat Poolmaster ialah kontraktor kecil untuk pemasangan peralatan kolam renang.

Kontrak ini disediakan berasaskan Borang Kontrak Binaan PAM.

Suatu pertikaian telah berbangkit antara Acer Construction dengan Syarikat Poolmaster tentang kos runtuhan dan pemasangan semula paip-paip yang telah dipasang tidak mengikuti susunan lurus yang betul. Syarikat Poolmaster dituduh oleh Acer Construction tidak mengikuti lukisan pembinaan maka Syarikat Poolmaster menuntut paip-paip dipasang mengikut "shop-drawings" yang telah diluluskan oleh Arkitek.

Acer Construction kemudian menahan amaun sebanyak RM50,000 daripada bayaran kemajuan yang disijilkan untuk Syarikat Poolmaster atas sebab pemberian yang dikehendaki. Syarikat Poolmaster kemudian mengambil langkah-langkah untuk melambatkan kerja dan juga menulis kepada Arkitek meminta bayaran terus amaun yang ditahan daripada Majikan.

Syarikat Poolmaster gagal menerima jawapan daripada Majikan tentang permintaan mereka selama dua bulan selepas mana itu kerja Acer Construction sendiri telahpun dilewatkannya. Oleh sebab situasi yang kurang memuaskan, Majikan telahpun memberi notis kepada Kontraktor ganti-rugi yang ditaksirkan akan dikenakan jika kerja masih tidak disiapkan pada tarikh penyiapan yang disetujui.

- (a) Bincangkan remedи-remedy yang terbuka kepada parti-parti yang terlibat untuk menggunakan hak-hak kontraktual masing-masing.
- (b) Dengan mengandaikan pertikaian ini tidak dapat di-selesaikan, nasihatkan Syarikat Poolmaster sama ada kes ini harus diserahkan kepada litigasi atau timbangtaraan. Berikan sebab-sebab untuk jawapan anda.
5. (a) Terangkan pada tahap apakah pihak klien harus menimbangkan rundingan (negotiation) sebagai cara alternatif kepada pertandingan (competition).
- (b) Apakah bahayanya untuk pihak klien di dalam sesuatu rundingan (negotiation). Apakah prasyarat-prasyarat dan perlindungan daripada bahaya-bahaya itu untuk mencapai rundingan yang akan berjaya.

(100 markah)

...4/-